

**TEKS UCAPAN Y.BHG. NAIB CANSELOR SEMPENA MAJLIS PERTANDINGAN
AKHIR DEBAT KEMERDEKAAN DAN MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH
PERTANDINGAN DEBAT, PIDATO KEMERDEKAAN
DAN KUIZ KEMERDEKAAN 2007 UTeM**

**TEMPAT:
DEWAN UTeM 1, KAMPUS INDUSTRI
UTeM**

**TARIKH :
29 OGOS 2007**

TEKS UCAPAN NAIB CANSOLOR SEMPENA
PERTANDINGAN AKHIR DEBAT KEMERDEKAAN
DAN MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH
PERTANDINGAN DEBAT, PIDATO KEMERDEKAAN
DAN KUIZ KEMERDEKAAN 2007, UNIVERSITI
TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA PADA 29 OGOS
2007, JAM 3.00 PETANG BERTEMPAT DI DEWAN
UTeM 1, KAMPUS INDUSTRI UTeM

TERIMA KASIH Pengerusi Majlis,

Y. BHG. PROF. DR. ABU BIN ABDULLAH,

TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK DAN
ANTARABANGSA)

Y. BHG. DATUK PROF. MADYA DR. ABU BAKAR BIN
MOHAMAD DIAH,

TIMBALAN NAIB CANSOLOR (PENYELIDIKAN &
INOVASI)

Y. BHG. DATO' PROF. DR. MOHD NOR BIN HUSAIN
DEKAN BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR DAN
ALUMNI

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN UNIVERSITI,

YANG DIPERTUA MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR
DAN BARISAN EXCO MPP,

PARA PELAJAR YANG SAYA HORMATI SEKALIAN,

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG DIHORMATI

ASSALAMUALAIKUM WRB. WBKTH. DAN SALAM
SEJAHTERA

BERSYUKUR SAYA KE HADRAT ALLAH SWT KERANA DENGAN LIMPAH KURNIA DAN IZINNYA DAPAT KITA BERKUMPUL PADA PETANG INI BAGI MENYAKSIKAN PERTANDINGAN AKHIR DEBAT KEMERDEKAAN 2007. PADA MAJLIS INI JUGA AKAN DISAMPAIKAN HADIAH KEPADA PEMENANG PERTANDINGAN PIDATO KEMERDEKAAN DAN KUIZ KEMERDEKAAN YANG TELAH DIADAKAN SEBELUM INI.

SAYA AMAT BERBANGGA DI ATAS USAHA YANG TELAH DIBUAT OLEH PEJABAT HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI KERANA MENGADAKAN AKTIVITI-AKTIVITI BAGI MENINGKATKAN KESEDARAN DAN SEMANGAT PATRIOTISME DI KALANGAN PELAJAR UTeM.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI

PERTANDINGAN DEBAT KEMERDEKAAN INI TELAH PUN DIMULAKAN PADA 22 OGOS DAN 26 OGOS 2007 YANG LALU. IA TELAH MENJADI MEDAN KEPADA PARA MAHASISWA-MAHASISWI UNTUK MEMBERI PENDAPAT SERTA MEMPERTAHANKAN HUJAH MASING-MASING. INI SECARA LANGSUNG AKAN DAPAT MELAHIRKAN PARA PENDEBAT YANG BERWIBAWA DI KALANGAN MAHASISWA-MAHASISWI.

WALAUPUN PELAJAR UTeM ADALAH DALAM ALIRAN TEKNIKAL DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT, IA TIDAK BERMAKNA BAHAWA KITA KETANDUSAN PELAJAR YANG BOLEH BERDEBAT DENGAN BAIK. KALAU MEREKA DIASUH DENGAN BAIK, SAYA YAKIN MEREKA AKAN MENJADI PENDEBAT YANG LEBIH BAIK DARIPADA PELAJAR ALIRAN SASTERA ATAU SAINS SOSIAL DARI UNIVERSITI LAIN.

INI TERBUKTI APABILA OKESTRA UTEm YANG DIWAKILI PELAJAR KITA YANG TIDAK MEMPUNYAI FAKULTI MUZIK TELAH MENJADI JUARA DI PERTANDINGAN FIESTA MUZIKA 2007 DENGAN BERJAYA MENGALAHKAN OKESTRA-OKESTRA DARI UNIVERSITI-UNIVERSITI LAIN.

PERKARA PENTING YANG PERLU DILAKUKAN IALAH MENGESAN BAKAT PARA PELAJAR DAN SETERUSNYA MENGASUH BAKAT YANG ADA SUPAYA MEREKA DAPAT MENAJAMKAN HUJAH MASING-MASING. INI MEMERLUKAN PELAJAR UNTUK BANYAK MEMBACA DAN MEMBUAT PERBINCANGAN SERTA MENGATUR STRATEGI BAGI MENGALAHKAN LAWAN MEREKA.

DENGAN USAHA GIGIH YANG BERTERUSAN DAN KOMITMEN TINGGI SEMUA PIHAK, INSYAALLAH SEDIKIT MASA LAGI KITA AKAN DAPAT MELAHIRKAN MAHASISWA YANG BERKEMAMPUAN

UNTUK BERPIDATO DAN BERDEBAT PADA PERINGKAT KEBANGSAAN MAHUPUN MEWAKILI UNIVERSITI PADA PERINGKAT ANTARABANGSA.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI

ARENA DEBAT MEMPUNYAI KEPENTINGANNYA DARI ASPEK KEINTELEKTUALAN KERANA IA BERKAIT DENGAN KEPINTARAN BERUNDING DAN BERHUJAH. SEORANG PENDEBAT YANG BAIK ADALAH MEREKA YANG DAPAT MENGAWAL EMOSI, SUPAYA DENGAN ITU IA DAPAT MENDENGAR DENGAN TELITI, MENGATUR ISI, MENYAMPAI IDEA DENGAN BERNAS, DAN INI SUDAH TENTU AKAN DAPAT MEMPENGARUHI PENDENGAR.

SEORANG PENDEBAT ADALAH SEORANG YANG BIJAKSANA DAN KEBIJAKSANAAN INI TELAH DIBUKTIKAN OLEH ALMARHUM TUNKU ABDUL

RAHMAN PUTRA AL-HAJ APABILA BERUNDING BERKENAAN KEMERDEKAAN TANAH MELAYU DENGAN PIHAK BRITISH. DENGAN KEBIJAKSANAAN INI JUGALAH, NEGARA KITA TELAH MENCAPAI KEMERDEKAAN TANPA ADA PERTUMPAHAN DARAH.

SELAIN DARIPADA TUNKU ABDUL RAHMAN, PERDANA-PERDANA MENTERI MALAYSIA SEPERTI TUN ABD RAZAK, TUN HUSSEIN ONN, TUN DR. MAHATHIR MUHAMAD DAN DATO' SERI ABDULLAH AHMAD BADAWI ADALAH CONTOH YANG BAIK SEMASA MENGADAKAN MESYUARAT DAN RUNDINGAN DALAM MENCAPAI KEPUTUSAN YANG TEPAT TERHADAP KEHARMONIAN DAN PEMBANGUNAN NEGARA SEKARANG.

DENGAN KEPINTARAN DAN KEMATANGAN YANG DIMILIKI, MEREKA TELAH DAPAT MENYELESAIKAN BANYAK ISU SAMA ADA DALAM NEGARA

MAHUPUN PADA PERINGKAT ANTARABANGSA. ISU-ISU INI TERMASUKLAH ISU KEMISKINAN, EKONOMI, KEGANASAN DAN SEBAGAINYA. HAL INI TELAH MENJADIKAN PEMIMPIN MALAYSIA SEBAGAI SEORANG YANG KRITIS DAN TEGAS DALAM MEMBERI PENDAPAT SERTA PANDANGANNYA MENJADI RUJUKAN DUNIA.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI

DALAM DUNIA YANG SEMAKIN MENCABAR, NEGARA MEMERLUKAN INDIVIDU YANG BERPENGETAHUAN TINGGI. UNTUK ITU MAHASISWA HARI INI ADALAH PELAPIS KEPADA KEPIMPINAN SEKARANG SUPAYA DAPAT MENGEKALKAN KEWIBAWAAN YANG ADA DAN SETERUSNYA MENGANGKAT MARTABAT NEGARA PADA PERINGKAT YANG LEBIH TINGGI.

BAGI MENJADI PEMIMPIN YANG BERWIBAWA, MEREKA PERLU MEMPUNYAI KEMAHIRAN BERKOMUNIKASI SERTA HEBAT DALAM MEMBERI DAN MEMPERTAHANKAN HUJAH APABILA SESUATU PANDANGAN DILONTARKAN. SESEORANG PEMIMPIN JUGA PERLU MEMPUNYAI PENDIRIAN YANG TEGAS DAN KUKUH APABILA BERHUJAH.

UNTUK ITU MEREKA MEMERLUKAN BANYAK MAKLUMAT DAN PANDANGAN SERTA MENGANALISA FAKTA-FAKTA SEBELUM MELONTARKAN SESUATU BUAH FIKIRAN. APABILA SESUATU KEPUTUSAN DAN BUAH FIKIRAN TELAH DILONTARKAN, MAKA MEREKA BOLEH MENANGKIS SEGALA KRITIKAN YANG DILONTARKAN SEMULA OLEH PIHAK PENCABAR. DENGAN CARA ITU SESEORANG PEMIMPIN AKAN DAPAT MEMPERTAHANKAN MARUAHNYA DAN MENDAPAT KEPERCAYAAN MASYARAKAT. CIRI-

CIRI HEBAT INI ADALAH DIPUNYAI OLEH PENDEBAT YANG BAIK.

SEGALANYA INI TIDAK DAPAT DIPEROLEHI DALAM BENTUK ILMIAH ATAUPUN MELALUI PENULISAN SEMATA-MATA, TETAPI IANYA PERLU DISOKONG DALAM BENTUK PENDEDAHAN SECARA PRAKTIKAL SEPERTI DEBAT, FORUM, DAN PIDATO SEPERTI YANG KITA LAKUKAN SEKARANG.

PADA PERTANDINGAN DEBAT HARI INI, KITA BERHARAP SUPAYA AKAN LAHIR PEMIMPIN-PEMIMPIN MASYARAKAT YANG BERWIBAWA DAN BERANI SEPERTI PEMIMPIN-PEMIMPIN YANG SEDIA ADA. TAHNIAH KEPADA SEMUA AHLI-AHLI DEBAT YANG TELAH BERTANDING PADA PERTANDINGAN DEBAT KALI INI.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI

BERDIRI DI ATAS PENTAS DAN BERUCAP DI KHALAYAK RAMAI BUKANLAH SESUATU YANG MUDAH. IANYA MEMERLUKAN KEBERANIAN DAN KECEKALAN. UNTUK BERANI PARA PESERTA DEBAT PERLU MELONTARKAN RASA GERUN BERHADAPAN DENGAN KHALAYAK RAMAI, DAN SETERUSNYA MELONTARKAN TERUS RASA GERUN KEPADA PIHAK MUSUH YANG AKAN MENJADI PENCABARNYA. APA YANG PENTING IALAH KEBERANIAN UNTUK MEMBERI PANDANGAN SECARA BERNAS DAN KRITIS. SOAL MENANG ATAU KALAH BUKAN PERSOALAN YANG PERLU DIBAWA TETAPI YANG LEBIH PENTING IALAH KREDIBILITI DALAM BERHUJAH.

SETIAP PENDEBAT PERLU MERASA BANGGA APABILA DAPAT MEMBERI SESUATU HUJAH ATAU PANDANGAN, MEREKA JUGA PERLU YAKIN KEPADA DIRI SENDIRI DAN PEKA KEPADA HUJAH-

HUJAH PADA PENCABAR. SIFAT-SIFAT INI AKAN DAPAT MEMBENTUK MAHASISWA-MAHASISWI YANG LEBIH PRIHATIN DAN LEBIH TERBUKA APABILA DIKRITIK DALAM KEHIDUPANNYA.

INI SECARA TIDAK LANGSUNG AKAN DAPAT MELAHIRKAN GRADUAN UTeM YANG CEKAL DAN BERKEYAKINAN TINGGI APABILA TAMAT PENGAJIAN NANTI. KEYAKINAN INI PERLU ADA PADA SEMUA GRADUAN UTeM UNTUK BERJAYA DALAM MENDAPATKAN PEKERJAAN APABILA DITEMUDUGA.

TUAN / PUAN YANG DIHORMATI SEKALIAN,

AKHIR KATA, SAYA MENGUCAPKAN RIBUAN TERIMA KASIH KEPADA SEMUA AHLI JAWATANKUASA PENGANJUR, PEJABAT HAL EHWAL PELAJAR & ALUMNI, KELAB DEBAT UTeM

DAN SEMUA PIHAK YANG TERLIBAT DALAM MENJAYAKAN PERTANDINGAN AKHIR DEBAT KEMERDEKAAN PADA KALI INI. SEMOGA OBJEKTIF PERTANDINGAN HARI INI TERCAPAI SEPENUHNYA.

SEKIAN, WABILLAHITAUFIK WALHIDAYAH

WASSALAMMUALAIKUM WARAHMATULLAHI
WABARAKATUH.

TERIMA KASIH.